

Bahasa Malaysia bukan untuk Melayu saja

KABINET telah membuat keputusan menukar istilah bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia dengan rasional mahu menjadikan bahasa Malaysia bahasa untuk semua rakyat tanpa mengira keturunan dan etnik.

Penggunaan semula istilah bahasa Malaysia juga bertujuan meningkatkan usaha kerajaan mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Di samping itu, ia juga menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan secara lebih meluas, mewujudkan integrasi dan perasaan bersatu hati serta perasaan kekitaan.

Istilah bahasa Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selepas negara mencapai kemerdekaan sebagai langkah menyemai identiti Malaysia. Ia diguna pakai sehingga 1986 apabila Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menukar subjek bahasa Malaysia kepada bahasa Melayu.

Keputusan Kabinet untuk menggunakan semula bahasa Malaysia sebagai istilah rasmi bagi merujuk kepada bahasa kebangsaan juga bertujuan mewujudkan semangat bahawa bahasa Melayu adalah milik semua tanpa mengira kaum.

Terdapat pandangan bahawa perkataan bahasa Melayu itu perlu dikekalkan kerana istilah bahasa Melayu sebenarnya sudah diterima masyarakat majmuk yang merujuk kepada bahasa kebangsaan.

Pakar bahasa, Prof Emeritus Dr Nik Safiah Abdul Karim menjelaskan, bahasa Melayu sekarang bukan lagi merujuk orang Melayu tetapi umum mengetahuinya sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi pertuturan harian rakyat.

Mungkin juga pandangan Dr Nik Safiah itu ada kaitan dengan katakata Pendeta Zaa'ba, "Dalam Malaya yang merdeka sekarang tentulah bahasa Melayu pun sepatutnya merdeka juga, yakni tidak semestinya dihadkan gunanya pada hal rendah dan soal bercakap perkara yang orang Melayu biasa saja seperti yang sudah-sudah. Sebaliknya setelah Malaya merdeka, sepatutnya bahasa Melayu dilayakkan selangkah lagi bagi penggunaan yang lebih maju, lebih besar dan lebih tinggi pula."

Muhammad Nuruddin Bashah (2006) menjelaskan pemilihan bahasa Melayu sebagai perwakilan kaum tidak wajar dinilai sebagai usaha menghegemonikan bahasa ini kepada kaum lain tetapi menjadi lumrah bahasa majoriti dan terkenal serta berakar umbi dijadikan pengantar di mana-mana negara besar sekalipun.

Untuk itu, bahasa Melayu bukan saja diisytiharkan bahasa rasmi yang digunakan dalam majlis dan 'ritual' kerajaan tertentu, ia juga perlu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi bahasa perwakilan kepada keharmonian kaum.

Muhammad Nuruddin menjelaskan, bahasa Melayu pernah menjadi pengantar utama dalam semua Kanun dan Perundangan Melayu terutama dalam Kesultanan Melayu Melaka. Sudah sewajarnya bahasa Melayu sejak lama dulu digunakan dalam sistem perundangan Malaysia. Kalau Jepun, Indonesia dan Eropah menggunakan bahasa majoriti dan bahasa ibunda sebagai pengantar kehakiman, mengapa kita tidak?

Datuk Dr Hassan Ahmad menjelaskan bahasa Malaysia dianggap sebagai istilah 'neutral' atau 'bebas etnik' yang bermaksud ia tidak semestinya menunjukkan ia bahasa Melayu. Mengikut beliau, semua bahasa di Malaysia sama ada bahasa Cina, Tamil, Kadazan dan Iban dapat dianggap sebagai bahasa Malaysia, selain bahasa Melayu.

Hal yang lebih penting mengikut Dr Hassan ialah 'hakikat genetik' bahasa atau etnolinguistik bahasa Melayu, iaitu bahasa orang Melayu, bukan bahasa orang Cina, India, Inggeris dan lain-lain.

Katanya, istilah Melayu tidak dapat dipisahkan atau dihapuskan daripada istilah bahasa Melayu. Penggunaan istilah sama ada bahasa Melayu atau bahasa Malaysia mempunyai hujah masing-masing.

Adalah penting kita melihat bahawa keutuhan maruah bangsa bergantung kepada kejujuran dan kejituan usaha bangsa itu sendiri. Pengwujudan perancangan bahasa yang mapan serta hala tuju yang jelas.

SAPORA SIPON,
Pengarah Perhubungan Korporat
Universiti Sains Islam Malaysia.